

# Abdul Rahman timbalan presiden

UM 11 NOV 2001

KEMAMAN 10 Nov. — Bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Dr. Muhammad Nur Manuty, tewas di tangan Pengerusi Perhubungan narti Keadilan Nasional (Keadilan) Johor, Abdul kahman Othman dalam perebutan jawatan timbalan presiden pada pemilihan pucuk pimpinan parti itu hari ini.

Dr. Muhammad tewas dengan 44 undi kepada Abdul Rahman yang juga bekas bendahari UMNO bahagian Muar dalam pengiraan undi tidak rasmi di Dewan Berlian Utama Majlis Daerah Kemaman (MDK), di sini malam ini.

Keputusan rasmi bagi pemilihan itu akan diumumkan esok oleh pengerusi jawatankuasa pemilihan parti, Abdul Rahman Adnan.

Bagi jawatan naib presiden yang menawarkan tiga kekosongan menyaksikan kemenangan Pengerusi Keadilan Selangor, Mohd. Azmin Ah., dan penyandang jawatan, Chua Tian Chang serta Datuk Sheikh Azmi Ahmad.

Azmin meraih undi tertinggi sebanyak 597 undi, Chua, atau Tian Chua 562 undi, manakala Sheikh Azmi mendapat 529 undi.

Sheikh Azmi menang dengan perbezaan dua undi berbanding dengan Pengerusi Keadilan Negeri Sembilan, Ruslan Kassim.

Dua calon yang tewas bagi jawatan itu ialah Setiausaha Agung Keadilan, Mohd. Anuar Tahir dan Penolong Setiausaha Keadilan, N. Gobalakrishnan.

Sementara itu, Muhammad Nur ketika dihubungi memberitahu, beliau menerima keputusan yang dibuat oleh 1,200 perwakilan dengan hati terbuka.

"Kekalahan saya ibarat pertandingan antara Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah pada pemilihan jawatan Presiden UMNO tahun 1987," ujarnya.

Abdul Rahman ketika dihubungi menyifatkan perwakilan telah membuat keputusan yang bijak.

"Saya berharap selepas ini ahli-ahli Keadilan dapat merapatkan barisan dan sama-sama berusaha mengukuhkan lagi perpaduan parti," ujarnya.